

Kegiatan seludup 1,050 liter minyak tumpas



RUSLI Karim menunjukkan wayar pam bersama barang rampasan 1050 liter minyak petrol tanpa lesen. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Syاهره Mustafa
am@hmetro.com.my

KEGIATAN menyeludup 1,050 liter minyak petrol tanpa lesen di Tumpat, Rantau Panjang ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), berjaya ditumpaskan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), semalam.

Komander AKSEM negeri Kelantan, Rusli Karim, berkata dalam operasi 6.30 petang itu, anggotanya daripada pasukan risikan membuat rondaan dan pemantauan di Kampung Kok Seraya, Chabang Empat, di Tumpat, sebelum menemui kenderaan Utiliti Sukan (SUV) Mitsubishi Pajero dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, anggota menahan kenderaan terbabit dan membuat pemeriksaan sebelum menemui semua tong berisi minyak petrol itu di bahagian tempat duduk belakang namun pemandu lelaki berjaya melarikan diri.

"Hasil pemeriksaan juga mendapati pemilik kenderaan mengubah suai kenderaan terbabit dengan dilengkapi pam penyedut minyak selain cermin kereta gelap bagi mengaburi mata pihak berkuasadaripada mengesan kegiatan mereka.

"Pihak AKSEM merampas semua barang kes kerana melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 (PPKB 1974) kerana memiliki barang kawalan tanpa lesen dalam keadaan syak munasabah untuk melakukan kesalahan.

"Kes. ini disiasat di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya dalam sidang media selepas melawat Sekatan Jalan Raya (SJR) AKSEM di Cabang Empat Salam, di sini, hari ini.

Dalam sidang media yang sama, Rusli turut berkongsi kejayaan AKSEM mematahkan kegiatan penyeludupan ketum bernilai RM19,500 serta beras pelbagai jenama berjumlah RM1,753 yang berlaku dalam tempoh PKP.

Rusli berkata, masih ada segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab mengambil peluang dalam tempoh PKP untuk melakukan kegiatan haram namun, pihak berkuasa termasuk AKSEM tidak berdiam diri bagi membanteras gejala itu.

"Khidmat AKSEM tidak terhenti dalam tempoh PKP yang mana kami membuat kerja dua dalam satu iaitu menguatkuasakan saranan kerajaan dalam membanteras Covid-19 dan juga menghalang penyeludupan di sempadan.

"Malah, pihak kami turut menitik beratkan keselamatan anggota dengan menyediakan peruntukan untuk memastikan adanya bekalan pencuci pembasmi kuman, topeng muka, sarung tangan serta makanan dan minuman buat anggota bertugas.

Tambah beliau, AKSEM Kelantan menyeru orang ramai supaya mematuhi saranan kerajaan untuk kita memutuskan rantaian Covid-19 daripada terus berleluasa," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/558075/kegiatan-seludup-1050-liter-minyak-tumpas>

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 24 Mac 2020 @ 6:51 PM

